

BERBUAT BAIK KEPADA IBUBAPA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kehidupan kita di dunia dan akhirat sentiasa diredai Allah Subhanahu wa-Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّهَا

Yang bermaksud: “Antara tanda dekatnya dengan hari kiamat adalah apabila ibu melahirkan tuannya.”

Sebahagian ulama menjelaskan, yang dimaksudkan dengan “apabila anak menjadi tuan” iaitu anak yang tidak berbakti atau tidak menghormati dan memuliakan orang tua mereka. Keadaan yang berlaku pada hari ini seperti anak menyuruh-nyuruh atau mengarah-arrah dan mengeluarkan kata-kata kesat kepada orang tuanya, seolah-olah orang tuanya itu pembantu rumah sedangkan si anak mampu melakukan urusan tersebut. Dalam kitab Al-Wafi menjelaskan iaitu, “Ramainya anak yang derhaka kepada orang tuanya dengan tindakannya seperti perlakuan tuan terhadap hambanya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Janganlah membiarkan anak kita menjadi seperti tuan sebagaimana hadis yang dibaca tadi. Dengan itu anak-anak hendaklah dididik sejak dari kecil lagi. Didiklah mereka dengan akhlak mulia sebagaimana akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu mengasuh mereka dengan bersikap lemah lembut, mentaati, menghormati dan menyayangi orang tuanya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ
أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Yang bermaksud: “Tidaklah seseorang itu dilahirkan kecuali dalam keadaan fitrah (suci daripada kesalahan dan dosa), maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

Menjadi tanggungjawab kita untuk mentarbiyyah anak-anak selaras dengan didikan Islam dengan menjauhkan anak dari pengaruh Yahudi, Nasara mahupun Majusi dalam kehidupan mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Ibu bapa hendaklah sentiasa mendoakan anak-anak mereka supaya menjadi anak yang soleh dan solehah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Ali Imran ayat 38:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ، قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً

إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

Yang bermaksud: “Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: “Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (dan Mengabulkan) doa permohonan.”

Kita juga hendaklah mengajar anak-anak supaya mengenal akidah Islam yang benar agar mereka tidak syirik kepada Allah Subhanahu wa-Taala berdasarkan firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Luqman ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ، وَهُوَ يَعِظُهُ، يَبْنِي لَا تَشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ

لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud: “*Dan ketika Luqman berkata kepada anaknya, “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain). Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*”

Antara perkara yang sangat penting untuk mendidik anak-anak ialah memastikan mereka tidak lalai mendirikan solat fardu secara berjemaah. Ini bersesuaian dengan firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ

ط
إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud : “*Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.*”

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Pengajaran daripada khutbah yang dibincangkan hari ini memberi maksud ialah janganlah menderhakai ibu bapa, meninggikan suara, tidak menghiraukan kebajikan ibu bapa khususnya semasa mereka sudah lanjut usia. Dengan itu, marilah kita bersama-sama membentuk satu keluarga yang harmoni, saling berkasih sayang serta bersopan santun sebagaimana yang ditetapkan dalam syariat Islam. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah al-Furqan ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang maksud: *Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, anugerahkan kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: sebagai penyenang hati kami, dan jadikanlah kami ikutan bagi orang yang bertakwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.